



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : DIALOG KPT-LIGA MAHASISWA MALAYSIA DIJANGKA DIADAKAN SELEWATNYA MEI INI - ADAM ADLI

SUMBER : BERNAMA - 18 APRIL 2026

Dialog KPT-Liga Mahasiswa Malaysia Dijangka Diadakan Selewatnya Mei Ini - Adam Adli

18/04/2026 06:43 PM



Adam Adli Abdul Halim

MELAKA, 18 April (Bernama) -- Sesi dialog antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Liga Mahasiswa Malaysia (LMM) dijangka diadakan selewat-lewatnya bulan depan.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Adam Adli Abdul Halim berkata penganjuran dialog itu kini di peringkat akhir, termasuk penyediaan platform dalam bentuk diskusi meja bulat atau sesi berkala secara terbuka bagi membincangkan isu berkaitan mahasiswa.

"Kita minta maaf kerana mengambil sedikit masa dalam memastikan penganjurannya dapat dilaksanakan dengan baik dan tersusun. Insya-Allah selewat-lewatnya Mei ini, sesi dialog yang lebih bermakna akan diadakan, bukan sekadar sesi 'touch and go' (tanpa tindakan susulan)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Rezeki Hujung Syawal Parlimen Hang Tuah Jaya di Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Hang Tuah Jaya, Bukit Baru di sini hari ini.

Adam Adli berkata dialog itu bukan sekadar menerima dan membaca memorandum tanpa tindakan susulan, sebaliknya akan dibincangkan secara menyeluruh melibatkan pelbagai pihak termasuk pentadbir universiti, ahli akademik dan mahasiswa.

"Ia bukan isu menerima, melihat dan membaca memorandum kemudian kita buat tidak tahu. Kita mahu pastikan perkara ini dibincangkan di pelbagai peringkat dan suara semua pihak, khususnya mahasiswa benar-benar didengari," katanya.

Beliau berkata perbincangan itu juga perlu disusuli dengan tindakan substantif dan KPT akan memastikan setiap isu yang dibangkitkan diberi perhatian, termasuk perkara yang dianggap kritikal atau bertentangan dengan pendirian kementerian.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : DIALOG KPT-LIGA MAHASISWA MALAYSIA DIJANGKA DIADAKAN SELEWATNYA MEI INI - ADAM ADLI

SUMBER : BERNAMA - 18 APRIL 2026

"Satu perkara yang perlu kita jamin adalah adab dalam berbeza pendapat. Kita boleh tidak bersetuju, namun hak dan suara mahasiswa perlu dipelihara kerana golongan ini harus diberi peranan lebih besar dalam proses pembentukan dasar," katanya.

Media sebelum ini melaporkan LMM telah menjemput beliau mengadakan dialog terbuka di kampus susulan beberapa isu dibangkitkan, termasuk kos sara hidup, kebajikan mahasiswa serta dasar pendidikan tinggi.

Adam Adli berkata usaha itu telah dirancang sejak hari pertama beliau memulakan tugas dalam Kerajaan MADANI, sebagai inisiatif mewujudkan platform yang memberi ruang kepada mahasiswa melaksanakan fungsi semak danimbang.

--BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).